

Proses Pilihan Raya Harus Berjalan Dalam Suasana Aman, Tenteram - Muhyiddin Bernama
19 April, 2013

MUAR, 19 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan semua pihak agar bekerjasama memastikan perjalanan proses pilihan raya umum ke-13 tidak lama lagi berjalan dalam suasana aman dan tenteram.

Beliau berkata sebarang percubaan menimbulkan kekacauan tidak seharusnya berlaku supaya rakyat tidak berasa curiga atau bimbang ketika hendak keluar mengundi.

"Biarlah proses demokrasi yang telah 12 kali kita laksanakan ini dapat berjalan dengan lancar. Yang penting tunaikan tanggungjawab, buat keputusan yang penting untuk masa depan, khususnya umat Islam, supaya negara kekal aman dan sejahtera," katanya selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Kampung Simpang Baba, di sini Jumaat.

Muhyiddin berkata keamanan yang dikecapi selama ini merupakan satu anugerah yang tidak boleh dipandang mudah.

Mengambil contoh Syria, Tunisia, Mesir, Libya dan Lebanon yang sedang bergolak, beliau berkata keamanan masih gagal dicapai negara-negara Islam itu kerana persengketaan yang berlaku dari dalam negara sendiri.

"Kita hanya dapat menilai keamanan apabila kita terancam. Keamanan dan keselamatan hanya boleh dicapai jika kepimpinan dan rakyat bersepakat. Sudah lebih 56 tahun kita hidup dengan kebaikan itu yang membawa hasil melimpah-ruah," tegasnya.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri berkata tempoh lima tahun akan datang amat penting dalam memastikan matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 tercapai.

Justeru, beliau berharap rakyat dapat menunaikan tanggungjawab masing-masing pada 5 Mei ini kerana proses pembangunan yang telah tersusun hanya akan berjaya dengan sokongan mereka.

Muhyiddin kemudiannya menikmati jamuan makan tengah hari bersama para jemaah di perkarangan masjid berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943468>